FAMA giat usaha perluas pasaran eksport durian

Article Details

Date	26 Jun 2026	Ad Value	MYR 19,801
Media	Harian Metro	PR Value	MYR 59,404
Journalist	N/A	Spokespersons	-
Sentiment	Neutral	Topic	• FAMA
Page Number	27		
Article Color	Colour		

ATASI ISU LAMBAKAN RAJA BUAH

FAMA giat usaha perluas pasaran eksport durian

Selayang: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) terus mempergiat usaha memperluaskan pasaran eksport durian Malaysia ke luar negara bagi mengatasi isu lambakan raja buah itu di negara ini.

Pengarah Kanan Pasaran Antarabangsa FAMA, Noorsham Ramly berkata, ketika ini Malaysia mengeksport durian ke kira-kira 20 pasaran antarabangsa dengan China kekal sebagai destinasi utama yang menyumbang sekitar 60 peratus daripada keseluruhan eksport durian negara.

Katanya, nilai eksport durian Malaysia ke luar negara kini mencecah kira-kira RM1.5 bilion setahun dengan jumlah eksport sekitar 25,000 tan metrik.

"Kita melihat peluang untuk memperluaskan pasaran di China, bukan hanya tertumpu di bandar utama seperti Beijing, Shanghai dan Guangzhou, tetapi juga di bandar-bandar di bahagian barat negara itu yang sebelum ini kurang diterokai.

"Dengan kemudahan logistik dan pengangkutan yang semakin baik, kita yakin durian Malaysia mampu menembusi kawasan baharu serta menarik lebih ramai pengguna di negara berkenaan," katanya dalam sidang media program Sesi Libat Urus Bersama Pengamal Media Berkaitan Pemasaran Durian di sini.


NOORSHAM

Beliau berkata, FAMA turut bekerjasama dengan kaunselor pertanian Malaysia di luar negara bagi mengenal pasti potensi pasaran baharu termasuk di bandar yang mempunyai komuniti Cina yang besar seperti London dan Manchester.

Dalam perkembangan sama, Timbalan Ketua Pengarah FAMA (Sekuriti Makanan & Operasi), Faisal Iswardi Ismail berkata, FAMA bersama pemain industri turut memperkenalkan sistem penjejakan produk menggunakan kod QR bagi melindungi imej premium durian Malaysia, khususnya Musang King, di pasaran antarabangsa.

"Sistem itu membolehkan pengguna mengimbas kod berkenaan untuk mengesahkan asal usul produk, sekali gus memastikan durian yang dibeli benar-benar berasal dari Malaysia serta mengelakkan penyalahgunaan nama Musang King Malaysia oleh pihak tertentu di luar negara," katanya.

Selayang: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) terus mempergiat usaha memperluaskan pasaran eksport durian Malaysia ke luar negara bagi mengatasi isu lambakan raja buah itu di negara ini. Pengarah Kanan Pasaran Antarabangsa FAMA, Noorsham Ramly berkata, ketika ini Malaysia mengeksport durian ke kira-kira 20 pasaran antarabangsa dengan China kekal sebagai destinasi utama yang menyumbang sekitar 60 peratus daripada keseluruhan eksport durian negara. Katanya, nilai eksport durian Malaysia ke luar negara kini mencecah kira-kira RM1.5 bilion setahun dengan jumlah eksport sekitar 25,000 tan metrik. "Kita melihat peluang untuk memperluaskan pasaran di China, bukan hanya tertumpu di bandar utama seperti Beijing, Shanghai dan Guangzhou, tetapi juga di bandar-bandar di bahagian barat negara itu yang sebelum ini kurang diterokai. "Dengan kemudahan logistik dan pengangkutan yang semakin baik, kita yakin durian Malaysia mampu menembusi kawasan baharu serta menarik lebih ramai pengguna di negara berkenaan," katanya dalam sidang media program Sesi Libat Urus Bersama Pengamal Media Berkaitan Pemasaran Durian di sini. ngan kaunselor pertanian Malaysia di luar negara bagi mengenal pasti potensi pasaran baharu termasuk di bandar yang mempunyai komuniti Cina yang besar seperti London dan Manchester. Dalam perkembangan sama, Timbalan Ketua Pengarah FAMA (Sekuriti Makanan & Operasi), Faisal Iswardi Ismail berkata, FAMAbersama pemain industri turut memperkenalkan sistem penjejakan produk menggunakan kod QR bagi melindungi imej premium durian Malaysia, khususnya Musang King, di pasaran antarabangsa. "Sistem itu membolehkan pengguna mengimbas kod berkenaan untuk mengesahkan asal usul produk, sekali gus memastikan durian yang dibeli benar-benar berasal dari Malaysia serta mengelakkan penyalahgunaan nama Musang King Malaysia oleh pihak tertentu di luar negara," katanya.